



SIARAN AKHBAR JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

KES TANGKAPAN GERAKAN OPERASI BARANG TEGAHAN KASTAM

1. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang telah menjalankan satu gerakan operasi di kawasan Kampung Pengkalan Batu.
2. Hasil gerakan operasi yang dijalankan pada hari Rabu, 11hb Januari 2023 di kawasan Jalan Panchor Murai, Kampung Pengkalan Batu, JKED telah berjaya menahan seorang lelaki warga asing yang berumur 40 tahun atas kesalahan memiliki 12,160 katon rokok, 269 paket dan 80 batang rokok pelbagai jenis. Turut dirampas adalah wang tunai berjumlah BND2331.00 yang dipercayai hasil daripada aktiviti penjualan barang kesalahan Kastam.
3. Kesemua barang-barang terbabit telah dirampas dan individu terlibat telah dibawa ke Pejabat Penguatkuasaan Undang-Undang untuk siasatan lanjut.
4. Ini merupakan hasil tangkapan JKED yang terbesar melibatkan rokok dengan nilai cukai sebanyak BND1,145,934.00.
5. JKED ingin menasihatkan kepada orang ramai agar sentiasa mematuhi mana-mana perundangan Negara ini dan menghindari dari melakukan kegiatan-kegiatan penyeludupan atau membawa masuk dan keluar barang-barang tegahan, sekatan dan juga larangan Kastam. Memiliki barang-barang tegahan Kastam adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 146, Perintah Eksais 2006.
6. JKED turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang ramai yang telah memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan aktiviti yang menyalahi perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh JKED. Orang ramai dialu-alukan untuk mengongsikan maklumat berkaitan apa jua kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan Kastam atau apa jua aktiviti yang menyalahi perundangan Kastam dengan menghubungi JKED di talian utama JKED: 8714422/8721422 atau pejabat Kastam yang berdekatan. Pihak JKED juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Tarikh: 14hb Januari 2023

RUJ KES KASTAM: ENF/PR/1/2023

**GAMBAR KESELURUHAN BARANG RAMPASAN
GERAKAN OPERASI**



GAMBAR DI TEMPAT KEJADIAN



